



**GARIS PANDUAN  
PEMBERIAN KEMUDAHAN, INSENTIF DAN  
PENENTUAN PETUNJUK PRESTASI BAGI PELANTIKAN  
STAF AKADEmia PASCA KEDOKTORAN (POST DOCTORAL)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 Pelantikan**

Pelantikan pekerja untuk skim ini adalah berstatus kontrak yang akan dilantik di bawah skim Staf Akademia Pasca Kedoktoran (Post Doctoral) UTHM.

**2.0 Tempoh Perkhidmatan**

- 2.1 Pelantikan pekerja adalah bagi tempoh minimum 6 bulan dan tempoh maksimum 24 bulan.
- 2.2 Pelanjutan tempoh lantikan selepas tempoh maksimum boleh dibuat dengan persetujuan Senat.
- 2.3 Tempoh pelantikan pekerja boleh ditamatkan dengan perakuan ketua penyelidik berkenaan dan persetujuan Senat sekiranya pekerja gagal memenuhi syarat pelantikan dan/atau gagal menunjukkan prestasi yang dikehendaki oleh Universiti melalui 90 hari notis.
- 2.4 Universiti juga boleh memberhentikan pekerja pada bila-bila masa dengan memberi notis 30 hari atau dengan membayar kepada pekerja satu (1) bulan gaji ganti notis tanpa sebarang alasan akibat kecuaiian atau

keengganan atau tidak mematuhi apa-apa perintah yang diberi oleh seseorang pekerja Universiti yang berkuasa ke atasnya atau membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal universiti dan penyelidikan yang dijalankan kepada sesiapa jua yang tidak mempunyai kuasa menerimanya atau berkelakuan salah atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam perjanjian yang ditandatangani. Segala hak dan faedah pekerja di bawah perjanjian tersebut akan luput dan tamat serta merta dengan pemberhentian ini. Pekerja juga tidak layak mendapat kemudahan pulang ke negara asal dan tempoh visa akan dipendekkan .

- 2.5 Pekerja juga pada bila-bila masa boleh berhenti dari perkhidmatan ini dengan memberi kepada Universiti notis secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh akhir perkhidmatan atau dengan membayar kepada universiti satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis tersebut.

### **3.0 Tanggungan pekerja**

Pekerja hendaklah dalam Tempoh Perkhidmatan itu:

- 3.1 Mematuhi arahan penempatan dan pertukaran di mana-mana sahaja tempat di Malaysia;
- 3.2 Menjalankan kewajipan jawatan yang dia diambil bekerja dan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Universiti seperti yang dinyatakan dalam jadual;
- 3.3 Bermastautin di sesuatu tempat seperti yang diarahkan oleh Universiti dari semasa ke semasa;

- 3.4 Tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak, mengambil bahagian atau bekerja dalam apa-apa jua perkhidmatan pun atau urusan yang lain, ataupun menerima apa-apa komisen atau bayaran tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari Universiti;
- 3.5 Menumpukan segala masa dan perhatiannya kepada perkhidmatan Universiti dan berusaha sedaya upayanya untuk memajukan kepentingan Universiti;
- 3.6 Menurut dan menjalankan, setakat mana ianya boleh dipakai dan tidak bertentangan dengan Perintah Am, Arahan Kewangan atau lain-lain Peraturan Perkhidmatan Awam, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini;
- 3.7 Tidak boleh membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Universiti kepada sesiapa atau tidak diubah oleh Perjanjian ini, segala jua yang tidak berhak kepadanya;
- 3.8 Terikat dengan Polisi Harta Intelekt Universiti serta perlu mengawal kerahsiaan dalam menjalankan penyelidikan dengan menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (Non-Disclosure Agreement) serta perlu mendapatkan kebenaran universiti bagi setiap penerbitan yang hendak dilaksanakan;
- 3.9 Hasil penyelidikan yang diperolehi semasa dalam tempoh kontrak ini adalah hak milik universiti dan pekerja perlu menandatangani Surat Ikatan Serah Hak semasa menandatangani perjanjian ini;

- 3.10 Polisi Pengkomersilan Universiti akan digunapakai dalam menguruskan aktiviti pengkomersilan hasil penyelidikan yang diperolehi dalam tempoh pelantikan ini;
- 3.11 Memberi, jika dikehendaki sedemikian oleh Universiti, sesuatu jaminan dan dalam sesuatu bentuk seperti yang ditentukan oleh Universiti untuk penunaian kewajipannya yang tersebut itu secara taat setia dan jujur, dan premium yang kena dibayar berkenaan dengan jaminan itu bolehlah dipotong dari gajinya oleh Universiti; dan
- 3.12 Memperolehi kelulusan seperti yang diarahkan oleh pihak Universiti dalam had-had masa yang ditetapkan (jika ada); dan pada menurut fasal kecil ini Universiti berhak mengarahkan pekerja menghadiri sesuatu kursus serta memasuki sesuatu peperiksaan yang dianggap berfaedah oleh Universiti.

#### **4.0 Tanggungan Universiti**

- 4.1 Universiti hendaklah membayar kepada pekerja elaun mengikut kadar yang telah dipersetujui dan ditetapkan oleh universiti
- 4.2 Universiti hendaklah memberi semua cuti dan membayar kemudahan kepada pekerja seperti yang dinyatakan dalam Jadual kepada perjanjian ini.

#### **5.0 Ketidakupayaan Pekerja**

Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang dibenarkan oleh Universiti untuk memeriksa pekerja memperakukan dengan cara bertulis bahawa pada

pendapatnya pekerja tidak berupaya memberi perkhidmatan yang cekap selanjutnya kepada Universiti oleh sebab apa-apa kerosakan akal fikiran atau tubuh badan dan bahawa ketidakupayaannya itu disebabkan oleh kesalahan, kelalaian atau kurang pertimbangan (*indiscretion*) pekerja itu sendiri, maka perkhidmatan pekerja di bawah Perjanjian ini hendaklah oleh sebab itu ditamatkan oleh Universiti, pekerja tidaklah selepas itu berhak mendapat apa-apa elaun melainkan elaun yang dia sebenarnya berhak mendapat kerana perkhidmatannya sebelum Perjanjian ini ditamatkan di bawah Fasal ini.

## **6.0 Pemakaian Undang-undang**

Perjanjian antara pekerja dan universiti untuk tujuan penguatkuasaan pelantikan ini hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

## **7.0 Pemeriksaan Kesihatan dan Perbelanjaan Berkaitan**

Pekerja perlu lulus pemeriksaan kesihatan atas pembiayaan sendiri dan segala kos dan perbelanjaan bagi penyempurnaan serta duti setem yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh pekerja.

## **8.0 Pindaan**

Sebarang pindaan atau perubahan kepada kandungan Perjanjian ini boleh dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

## 9.0 Ketaksahan

Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian yang diputuskan sebagai tidak sah atau bertentangan dengan sebarang undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan, maka kesahan peruntukan lain di dalam Perjanjian berkaitan tidak akan terjejas dan akan dikuatkuasa dan dilaksanakan seterusnya.

## 10.0 Pelantikan ke jawatan tetap

Pekerja adalah bukan pegawai awam. Universiti tidak berkewajipan untuk melantik pekerja ke jawatan dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya pekerja berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

## 11.0 Bidang Tugas

Bidang tugas yang melibatkan penilaian prestasi pekerja adalah seperti berikut :

11.1 Bertanggungjawab untuk menghasilkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi yang diindeks ISI bagi tempoh lantikan seperti berikut :

- i) Minimum dua (2) penerbitan untuk lantikan selama dua (2) tahun
- ii) Minimum satu (1) penerbitan untuk lantikan selama satu (1) tahun

**Sila baca bersama perincian di Lampiran 1.**

11.2 Bertanggungjawab membantu penyelia menjalankan penyelidikan bagi projek penyelidikan yang ditetapkan, membantu mengemukakan permohonan untuk geran-geran penyelidikan yang baru dan boleh diminta untuk membantu aktiviti pengkomersilan hasil penyelidikan.

- 11.3 Bertanggungjawab membantu membangunkan jaringan/rangkaian penyelidikan dengan pihak luar.
- 11.4 Bertanggungjawab membantu menyelia pelajar pasca siswazah penyelidikan yang ditetapkan oleh fakulti.
- 11.5 Boleh diminta oleh fakulti untuk membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar pasca siswazah dan pra siswazah seperti yang ditentukan oleh pihak fakulti.
- 11.6 Mengemukakan laporan prestasi tahunan kepada penyelia dan laporan yang telah diperakukan perlu dikemukakan kepada Fakulti dan Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan.

## **12.0 Elaun Bulanan**

Pekerja akan diberikan elaun bulanan berjumlah **RM 5,000.00** sebulan

## **13.0 Faedah dan Kemudahan**

### **13.1 Tuntutan Perjalanan, Hotel dan Elaun Makan**

Pekerja layak membuat tuntutan atas perjalanan rasmi yang diarahkan terhad kepada tuntutan perjalanan, hotel dan elaun makan dengan disandarkan pada **GREED 45** tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Sila rujuk **Lampiran 2**.

## 13.2 Rawatan Perubatan

- a) Pekerja diberi peruntukkan kemudahan rawatan perubatan untuk dirinya dan keluarganya pada jumlah kadar maksimum **RM250.00 sebulan** dan rawatan pergigian pada kadar maksimum **RM200 setahun**, tertakluk pada resit bayaran perubatan yang dikemukakan.
- b) Kelayakan kemudahan di perenggan (a) adalah untuk diri sendiri dan ahli keluarga tetapi tidak termasuk ibu bapa. Pemanjangan kemudahan bagi ahli keluarga adalah seperti berikut:
  - i) Ahli keluarga yang layak adalah terdiri daripada seorang suami atau isteri dan tiga orang anak yang berusia 18 tahun dan ke bawah yang diisytiharkan kepada Universiti;
  - ii) Kemudahan perubatan yang ditanggung oleh Universiti adalah terhad kepada kemudahan yang disediakan oleh hospital kerajaan, klinik kerajaan dan klinik panel yang dilantik oleh Universiti sahaja (tidak termasuk Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.);
  - iii) Kemudahan perubatan tidak meliputi penyakit yang telah dihidapi oleh ahli keluarga sebelum pekerja dilantik dalam berkhidmat (tanggungan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu); dan
  - iv) Dalam kes perubatan yang memerlukan rawatan pakar dan dimasukkan ke wad, pekerja serta tanggungan hanya dibenarkan menggunakan Hospital Kerajaan sahaja.



- c) Kemudahan rawatan perubatan ini tidak termasuk keperluan caruman insurans yang perlu dibiayai oleh pegawai sendiri.

### **13.3 Rumah Kediaman/ Kuarters**

- a) Pekerja akan diberikan elaun perumahan sebanyak **RM 700 sebulan.**
- b) Pekerja bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap) yang berada di luar Malaysia semasa ditawarkan pelantikan, layak dipertimbangkan kemudahan penginapan yang bersesuaian (ditentukan oleh pihak Universiti) untuk lima (5) hari semasa datang melaporkan diri bertugas dan lima (5) hari semasa kembali ke negara asal setelah tamat tempoh keseluruhan kontrak. Kemudahan ini diberikan sekali sahaja bagi suatu tempoh keseluruhan kontrak.
- c) Pekerja juga layak menuntut Elaun Makan bagi tempoh berkenaan mengikut kadar kelayakan yang layak diperolehinya setelah memegang jawatan yang ditawarkan.
- d) Universiti tidak bertanggungjawab untuk menyediakan rumah-rumah kediaman/ kuarters/ penginapan sepanjang perkhidmatan pekerja. Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa.

### 13.4 Tambang Perjalanan

Pekerja bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap) yang berada di luar Malaysia semasa ditawarkan pelantikan, layak dipertimbangkan tambang perjalanan datang ke Malaysia dan balik ke negara asal, dengan syarat;

- i) Kemudahan ini diberikan sekali sahaja bagi sesuatu tempoh keseluruhan kontrak, iaitu semasa datang melaporkan diri bertugas dan semasa kembali ke negara asal setelah tamat tempoh keseluruhan kontrak;
- ii) Kemudahan ini diberi kepada pekerja, suami/isteri dan tiga (3) orang anak mereka yang berusia 18 tahun dan ke bawah pada tarikh kemudahan ini diberikan. Jika pekerja dan isteri/suami kedua-duanya berkhidmat secara kontrak dengan agensi awam di negara ini, maka kemudahan ini layak dinikmati oleh salah seorang daripada mereka sahaja;
- iii) Layak menuntut tambang perjalanan sebenar tertakluk kepada maksimum tambang penerbangan kelas ekonomi mengikut perjalanan yang paling dekat antara negara asal dengan Kuala Lumpur; dan
- iv) Pekerja telah menamatkan kontrak dan pekerja serta keluarga telah meninggalkan Malaysia untuk kembali ke negara asal dan menerima tawaran untuk berkhidmat semula secara kontrak di Malaysia **selepas enam (6) bulan** dari tarikh pekerja kembali ke negara asal.

### 13.5 Visa Pekerja

Pekerja layak untuk menuntut bayaran visa yang dikenakan kepadanya untuk tujuan memenuhi kontrak lantikan ini dan terhad kepada pekerja, isteri/suaminya dan tiga (3) orang anak berusia 18 tahun ke bawah pada tarikh kemudahan ini diberikan.

### 13.6 Cuti

#### 13.6.1 Cuti Rehat

Pekerja adalah layak mendapat Cuti Rehat sebanyak <sup>25</sup>..... hari setahun di dalam perkhidmatan kontrak ini. Cuti Rehat yang tidak digunakan adalah luput apabila sesuatu kontrak yang berkuat kuasa tamat.

#### 13.6.2 Cuti Sakit

Pekerja layak mendapat cuti sakit dengan jumlah keseluruhan **tidak lebih 15** hari dalam setahun. Sekiranya pekerja telah habis menggunakan kemudahan cuti sakit yang dibenarkan (15 hari) tetapi masih memerlukan masa untuk pulih, pekerja boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan **tidak melebihi 30 hari setahun** dengan syarat pekerja mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar. Walau bagaimanapun, pekerja tidak layak dibayar sebarang elaun bagi tempoh tersebut.

### **13.6.3 Cuti Bersalin**

Pekerja wanita boleh dipertimbangkan cuti bersalin tidak kurang daripada 60 hari berturut-turut dari tempoh kelahiran dan terhadap hanya sekali bagi setiap tempoh keseluruhan kontrak.

**Carta Alir** pelantikan jawatan Staf Akademia Pasca Kedoktoran disertakan di **Lampiran 3**.

## PETUNJUK PRESTASI PASCA KEDOKTORAN

**KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) FOR POST-DOCTORAL**

KATEGORI CATOGERY	TUGAS DAN PETUNJUK PRESTASI/ DUTIES AND KPI
<p><b>Pasca Kedokteran</b></p> <p><i>Post Doctoral</i></p>	<p>In accordance with the employee performance evaluation, the Staff is required to:</p> <p>(a) Publish in high impact factored journals indexed by ISI within the Period of Engagement as stated below:</p> <p style="padding-left: 40px;">i) A minimum of two (2) publications for a two (2) year Period of Engagement</p> <p style="padding-left: 40px;">ii) A minimum of one (1) publication for a one (1) year Period of Engagement</p> <p><b>The publication must be in highly reputable journals with ISI Thompson Reuter's impact factor indexed by Scopus and JCR citation reports. Among the highly reputable journals database include Elsevier, Springer, Taylor &amp; Francis and Sage.</b></p> <p>b) Assist the supervisor in conducting research for the project as prescribed, assist in the application of new research grant and may be requested to assist in the commercialization of research outcome.</p> <p>c) Assist in developing research networks with external parties.</p> <p>d) Assist in supervising postgraduate research students as agreed by the faculty.</p> <p>e) May be requested by the faculty to assist in teaching and learning of undergraduate and postgraduate students.</p> <p>f) Submit an annual performance report to the Supervisor for approval. The approved report must then be submitted to the Faculty and Office of Research, Innovation, Commercialization and Consultancy (ORICC).</p>


**KADAR ELAUN MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM NEGERI  
STAF AKADEMI PASCA KEDOKTORAN (POST DOCTORAL)**

<b>Elaun</b>	<b>Kadar Elaun</b>			
Bayaran Sewa Hotel Atau Elaun Lojing	<b>Semenanjung Malaysia</b>		<b>Sabah, Labuan dan Sarawak</b>	
	Hotel	Lojing	Hotel	Lojing
	RM 180.00	RM 60.00	RM 200.00	RM 70.00
Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang dari 24 jam)	Separuh daripada kelayakan Elaun Makan			
Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih)	Semenanjung Malaysia : RM 60 Sabah, Labuan & Sarawak : RM 80			

**Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan**

<b>Jumlah Kilometer (Dituntut dalam sebulan)</b>	
<b>500 km pertama</b>	<b>km seterusnya</b>
RM 0.50/km	RM 0.40/km

**CARTA ALIR  
PELANTIKAN STAF AKADEMI PASCA KEDOKTORAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**



**Nota:**

**JPK**  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan

**R&D**  
Penyelidikan dan Pembangunan

**ORICC**  
Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilandan Perundingan

**PTJ**  
Pusat Tanggungjawab